



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN

PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2025

NAMA PROGRAM:

**Ceramah Kesedaran Alam Sekitar
“Perubahan Iklim dan Belia”**

**SMARTGREEN POLYCC
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM

1.	NAMA PENYELARAS	Jawatankuasa Smartgreen Politeknik Kuching Sarawak
2.	NAMA PROGRAM	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar "Perubahan Iklim dan Belia"
3.	TARIKH	21 April 2025
4.	TEMPOH	8.30 pagi – 5.00 petang
5.	TEMPAT	Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak
6.	KUMPULAN SASARAN	Terbuka
7.	PENCERAMAH	Puan Timah Beskop, Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Ibu Pejabat NREB
8.	Pengenalan Program	Ceramah "Perubahan Iklim dan Belia" telah dianjurkan bersempena sambutan Hari Bumi 2025. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia terhadap isu perubahan iklim yang semakin membimbangkan serta menggalakkan tindakan proaktif melalui gaya hidup lestari. Dalam masa yang sama, program ini turut memperkenalkan peserta kepada kerangka undang-undang alam sekitar Malaysia, terutamanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan Peraturan-Peraturan Buangan Terjadual 2005, yang menjadi rujukan utama dalam kawalan pencemaran, pengurusan sisa dan pemuliharaan alam sekitar.
9.	OBJEKTIF PROGRAM	1. Memberi kefahaman asas kepada peserta tentang punca dan kesan perubahan iklim. 2. Memberi kesedaran kepada peserta untuk mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim melalui amalan hidup lestari. 3. Menggalakkan inisiatif sendiri seperti pengurangan penggunaan tenaga dan pengurusan sisa mengikut peruntukan yang terkandung dalam Akta 127 dan Akta 672 (Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007). 4. Memupuk semangat tanggungjawab terhadap alam sekitar.
10.	OUTCOME PROGRAM	1. Peserta memahami kaitan antara aktiviti manusia seperti pembakaran bahan api fosil, penebangan hutan dan pencemaran dengan perubahan iklim serta kesan jangka panjang terhadap alam sekitar dan kesihatan awam. 2. Peningkatan kesedaran peserta terhadap kesan perubahan iklim seperti cuaca ekstrem, pencairan ais dan kepupusan spesies, serta cara menanganinya mengikut kerangka undang-undang negara.

		3. Peserta berupaya menjadi agen perubahan yang mematuhi prinsip pembangunan mampan dan undang-undang alam sekitar, serta mampu memimpin inisiatif hijau yang sah dan bertanggungjawab dalam komuniti. 4. Pembudayaan sikap prihatin terhadap alam sekitar dalam kalangan peserta disokong dengan pengetahuan terhadap tindakan yang mematuhi perundangan.
11.	KERJASAMA STRATEGIK	Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Politeknik Kuching Sarawak
12.	ELEMEN SUSTAINABILITY (SDG)	Aktiviti ini menyumbang secara langsung kepada beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), antaranya: 1. SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab Program mendorong belia mengurangkan pembaziran dan penggunaan sumber secara bijak, selaras dengan keperluan Akta 127 dan peraturan sisa buangan, termasuk kawalan penggunaan plastik dan pembaziran makanan. 2. SDG 13: Tindakan terhadap Perubahan Iklim Meningkatkan kesedaran tentang kesan perubahan iklim dan menggalakkan tindakan individu seperti penjimatan tenaga dan penggunaan pengangkutan lestari. 3. SDG 15 & 14: Pemeliharaan Biodiversiti Daratan dan Marin Penekanan kepada pemeliharaan biodiversiti dan habitat semula jadi dikaitkan dengan pelaksanaan Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Hidupan Liar 2010, dan peranan undang-undang dalam penguatkuasaan kawasan sensitif alam sekitar (ESA).
13.	KOS	Tidak Berkenaan
14.	IMPAK SOSIAL/ALAM SEKITAR/EKONOMI (SDGs)	1. Sosial: Program ini membantu mewujudkan komuniti yang lebih peka dan prihatin terhadap isu alam sekitar. Ia turut mendorong perubahan tingkah laku ke arah pembudayaan amalan lestari dalam kehidupan harian, sekali gus membina generasi yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. 2. Alam Sekitar: Aktiviti dan kandungan ceramah yang disampaikan berdasarkan peruntukan seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, menyedarkan peserta tentang kewajipan mematuhi standard pengurusan sisa

		dan pemuliharaan, secara langsung menyumbang kepada peningkatan kualiti persekitaran. 3. Ekonomi: Program ini membuka peluang penjimatan kos operasi melalui pengurangan sisa dan aktiviti kitar semula. Selain itu, ia juga merangsang potensi ekonomi melalui aktiviti <i>upcycling</i> dan penghasilan produk kitar semula yang bernilai tambah.
15.	GAMBAR PROGRAM	Seperti Lampiran 1
16.	ULASAN LAPORAN	Program ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya meningkatkan kesedaran peserta terhadap isu perubahan iklim dan peranan individu dalam menjaga alam sekitar. Apa yang lebih penting, program ini juga berjaya memperkenalkan peserta kepada rangka kerja perundangan alam sekitar Malaysia yang relevan, terutamanya Akta 127 dan peraturan-peraturan berkaitan. Perbincangan dan visual yang dipersembahkan membina pemahaman peserta bahawa penjagaan alam sekitar bukan sahaja tanggungjawab moral, tetapi juga kewajipan undang-undang yang harus dipatuhi. Oleh itu, program ini wajar dijadikan model pendidikan perubahan iklim berasaskan undang-undang dan diteruskan sebagai program tahunan yang memberi impak jangka panjang kepada pembinaan budaya hijau yang sah dan berintegriti.

Disediakan oleh:


HASLINDA BINTI JAMA'IN
 (Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
 Jabatan Pengajian Am
 Politeknik Kuching, Sarawak.

Tarikh: 28.04.2025

Disahkan oleh:


MOHD NEZUAN BIN OTHMAN
 (Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)
 Politeknik Kuching, Sarawak

Tarikh: 28.04.25

Laporan bergambar sekitar Ceramah Kesedaran Alam Sekitar “Perubahan Iklim dan Belia”



